

PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

SWASTA

TAHUN 2026

ARAHAN YAB PERDANA MENTERI SIRI 1 NO 1 TAHUN 2026 PELAKSANAAN PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

Program CeIO ialah pensijilan profesional yang memperkukuh tadbir urus agensi awam, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan sektor swasta dengan melahirkan pegawai berkelayakan, kompeten dan beretika yang mampu merancang, melaksana dan memantau inisiatif integriti secara berkesan bagi memupuk budaya integriti serta mencegah rasuah, salah laku dan penyalahgunaan kuasa.

SYARAT PERMOHONAN

Dicalonkan oleh organisasi;

- Pegawai Integriti (PI) daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) atau setaraf dengannya **ATAU**
- Mana-mana individu daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf dengannya yang melaksanakan fungsi Unit Integriti Dan Governans (IGU) **ATAU**
- Mana-mana individu yang berkhidmat daripada kumpulan Pelaksana atau setaraf dengannya dari agensi atau organisasi berstruktur kecil yang melaksanakan fungsi IGU **DAN**
- Pengalaman kerja tidak kurang daripada lima (5) tahun dan telah sah dalam jawatan semasa **DAN**
- Bebas daripada prosiding atau hukuman tatatertib **DAN**
- Mempunyai prestasi perkhidmatan yang cemerlang

(Keutamaan akan diberikan kepada Pegawai Integriti (PI) dari IGU, Integriti Liaison Officer/Pegawai Unit Pematuhan dan Pegawai dari Unit Risiko)

OBJEKTIF PROGRAM

MELAHIRKAN CEIO YANG:

- Berkelayakan dan kompeten dalam pengurusan tatakelola dan mampu memimpin perubahan dalam memerangi rasuah serta memperkukuh amalan integriti organisasi
- Mampu mengenal pasti, menganalisis, dan menguruskan risiko berkaitan dengan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan serta ketidakpatuhan dalam organisasi
- Mampu melaksanakan program integriti yang lebih sistematik dan efektif bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan
- Bertindak sebagai penasihat utama kepada kepimpinan organisasi dalam pengurusan integriti, etika kerja, pencegahan rasuah, pengurusan risiko serta kawalan dalaman terhadap salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan pentadbiran

TEMPOH PROGRAM

12 hari

2 jam tambahan untuk ujian atas talian

YURAN PROGRAM

RM5,000/ seorang

Proses bayaran yuran melalui Sistem E– Perolehan Kerajaan. Tuntutan HRDC melalui Skim Bantuan Latihan Biasa dibenarkan

TARIKH MODUL PROGRAM

1	2	3	4
Pengenalan Prinsip Integriti Dan Perundangan	**Pengurusan Aduan dan Pengesanan & Pengesahan**	**Strategi Pencegahan Melalui Pematuhan, Pengukuhan Integriti Dan Governans**	**Kawalan Dalaman: Pembangunan Pelan Antirasuah**
Tarikh: 07 /09/2026 08/09/2026 09/06/2026	**Tarikh:** 10/09/2026 14/09/2026 15/29/2026	**Tarikh:** 17/09/2026 18/09/2026	**Tarikh:** 21/09/2026 22/09/2026 23/09/2026 24/09/2026

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir program, peserta akan dapat:

- Memimpin perubahan organisasi bagi memperkukuh tadbir urus dan integriti
- Mengenal pasti dan mengurus risiko rasuah, salah laku dan ketidakpatuhan
- Melaksanakan program integriti dengan berkesan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan
- Memberi nasihat kepada kepimpinan mengenai etika, pengurusan risiko dan kawalan dalaman

MINIMUM KEHADIRAN

80%

Kehadiran kurang daripada 80%, akan gagal secara AUTOMATIK dan yuran yang telah dibayar TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN

PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT (CIDC)

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
PERSIARAN SYED SIRAJUDDIN
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR

cidc@sprm.gov.my
03-6209 2959

GMACA